

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (18)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 23/05/17

Bismillahirrahmanirrahim

Firman Allah s.w.t: *“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”* (al Baqarah: 30)

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, istilah ‘khalifah’ dari bahasa Arab diterjemahkan sebagai ‘pengganti’, ‘wakil’ atau ‘duta’. Secara khusus maksud khalifah Allah ialah peranan manusia yang telah dipilih olehNya sebagai pengganti atau wakilNya untuk mentadbir, mengurus, memelihara serta memakmurkan bumi sebagai amanahNya dan menggunakan segala nikmat Allah swt ini dengan sebaik-baiknya.

Hakikatnya, peranan khalifah adalah untuk merawat serta memberdayakan dunia ini dengan baik dan bijaksana supaya Hak dapat ditegakkan di atasnya, iaitu dalam urusan mentauhidkan Allah yang Maha Esa sekaligus menggugurkan apa jua kebergantungan daripada selainNya, tidak menyandar kepada selain Allah. Ini adalah suatu amanah yang agung, maka jikalau peranan ini tidak dilaksanakan, dia telah mengkhianati tugas yang dipertanggungjawabkan sebagai khalifah.

Dalam lintas sejarah perkembangan islamisasi Alam Melayu atau Nusantara ini, sebagai wilayah yang telah mengambil asas peradaban Tauhid Ihsan daripada alim-ulama sufi yang kebetulan ramai adalah daripada titisan Rasulullah ﷺ sendiri, sehingga jelas buah-buah dari peradaban Tauhid yang ditegakkan dan dibangun suburkan oleh para khalifah atau sultan-sultan Nusantara ini telah mewujudkan keluasan tanah yang damai, penuh etika dan budi yang luhur, mewujudkan generasi *umatan wasata* yang serba sederhana dan seimbang pada zahir dan batinnya, jelas terpamir pada berbagai sisi kehidupan masyarakat, mesra syariat dan syiar Islamnya, seperti pada aspek pentadbiran dan ketata negaraan sehingga pada titik bengik elemen sastera budayanya. Maka pada khalifah-khalifah atau sultan-sultan seperti inilah kesetiaan yang tidak berbelah bahagi wajib ditumpahkan oleh rakyat jelata dari segenap lapisan.

Firman Allah s.w.t: *“ Taatilah Allah, Rasul dan Ulil Amri dari kalangan kamu”*. (An Nisa: 59)

Persoalannya, bagaimana pula jika pemerintah merupakan ahli maksiat atau orang-orang yang zalim? Rujuk sabda Rasulullah ﷺ seperti berikut:

“ Setiap orang Islam wajib akur dan taat perintah pemimpin, samada disukai atau tidak. Selagi perintah itu tidak menyuruh mereka berbuat maksiat, jika disuruh melakukan maksiat, maka tidak perlu akur dan tidak perlu taat’ (HR Bukhari)

Daripada sahabat Auf bin Malik RA bahawa Rasulullah ﷺ pernah bersabda:

“Sebaik-baik raja kamu ialah raja yang kamu kasih sayang kepada mereka dan mereka kasih sayang kepada kamu, dan kamu mendoakan kepada mereka dan mereka mendoakan kepada kamu. Dan sejahat-jahat raja kamu ialah raja yang kamu bencikan mereka dan mereka bencikan kamu, dan kamu laknat dan kutuk mereka dan mereka laknat dan kutuk kamu.”

Sahabat-sahabat bertanya : “ Ya Rasulullah ﷺ, tidakkah boleh kami lawan mereka dengan mata pedang ketika itu?”

Sabda baginda lagi : *“Jangan, selagi mereka mendirikan solat diantara kamu, ingatlah barang siapa telah diangkat menjadi raja kemudian kamu lihat dia mengerjakan sesuatu perkara maksiat, maka hendaklah kamu bencikan perkara maksiat itu daripadanya, dan janganlah ditarik taat setia daripadanya (jangan menderhaka kepada raja).”*

Menurut Syeikh Ali bin Ali bin Mohammad bin Abdul Ez bahawa :

“Keterangan-keterangan di atas menunjukkan adalah wajib hukumnya taat setia kepada Ulil Amri (raja) selagi mereka tidak menyuruh berbuat maksiat. Adapun sebab wajib taatkan Ulil Amri itu sekalipun mereka zalim dan tidak adil, kerana berbangkit daripada tiada taatkan mereka dan menderhaka ke atas kuasa mereka boleh mendatangkan berbagai-bagai kerosakan yang lebih besar daripada kerosakan yang berbangkit daripada kezaliman mereka. Bahkan bersikap sabar di atas kezaliman mereka boleh mendatangkan keampunan di atas kesalahan kita (rakyat), dan ditambah ganda pahala kita (rakyat), kerana Allah Ta’ala tiada memberi kuasa kepada mereka ke atas kita, melainkan dengan sebab kerosakan perbuatan buruk kita sendiri. Pembalasan itu daripada jenis perbuatan kita, maka hendaklah kita bersungguh-sungguh memohon ampun daripada Allah dan bertaubat kepadaNya dan memperbaiki perbuatan kita.”

Kesimpulannya, pada perkara ketaatan yang dituntut oleh syariat Islam dalam hubungkait rakyat jelata dengan khalifah, sultan, raja atau pemerintah, kita harus dapat membezakan diantara dua perkara iaitu;

Pertama: Raja yang berbuat kefasikan serta menzalimi rakyat jelata, tetapi TIDAK menghalang pelaksanaan undang-undang syariat dan tidak menyuruh rakyat jelata membuat maksiat atau memaksa mereka kepada undang-undang yang bercanggah dengan syariat. Dalam keadaan ini, rakyat tetap wajib untuk bersetia kepada raja dan disarankan melakukan taubat serta memohon taufik dan hidayah Allah SWT ke atas Raja mereka.

Kedua: Raja yang menyuruh rakyat berbuat maksiat, menghalang pelaksanaan syariat atau memaksakan rakyat jelata menurut undang-undang yang berlawanan dengan syariat. Raja yang bersifat sedemikian telah terkeluar kelayakannya sebagai pemerintah umat Islam dan tidak lagi wajib dipatuhi. Ini berdasarkan daripada pendapat jumhur ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah, iaitu seseorang pemerintah umat Islam yang membuat bida’ah yang besar-besaran (Bida’ah Syariah) seperti tertera dalam kitab al-Mawardi dan memaksa rakyat membuat perkara-perkara maksiat, maka terluputlah kelayakannya sebagai pemerintah.

Seterusnya menurut al-Mawardi, jumhur ulama juga telah bersepakat bahawa haram meletakkan orang kafir sebagai pemerintah umat Islam sedangkan pemerintah yang mengenakan undang-undang yang melanggar batasan syariat dan memaksakan pula ke atas umat Islam, maka ia juga tidak wajib dipatuhi.

Wallahu 'alam bissawab